

Lelaki disyaki pengedar dadah ditahan bersama RM290,000

Posted on January 8, 2015, Thursday

KUCHING: Seorang lelaki disyaki pengedar dadah ditahan bersama wang tunai mencecah RM290,000 dalam satu serbuan ke atas sebuah pangsapuri mewah di Jalan Lapangan Terbang di sini, kelmarin.

Serbuan oleh sepasukan anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) itu turut menemui serbuk dadah disyaki syabu dianggarkan seberat 30 gram serta beberapa biji pil disyaki ekstasi dan Erimin 5.

Selain itu, serbuan sekitar jam 6.30 petang itu turut berjaya menahan seorang wanita warganegara asing berusia 27 tahun.

“Difahamkan pemeriksaan ke atas suspek tidak menemui apa-apa yang salah, namun hasil pemeriksaan pangsapuri berkenaan telah menemui wang tunai berjumlah sekitar RM290,000 dan pelbagai jenis dadah.

“Seorang wanita warganegara asing yang berada di pangsapuri itu turut ditahan untuk membantu siasatan,” kata sumber.

Kedua-dua suspek sehingga berita ini ditulis semalam dikatakan masih ditahan untuk siasatan lanjut.